



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	9 NOVEMBER 2016

Malaysia sedia teroka O&G di Turkmenistan

BH-9/11/2016

➔ Hubungan dua hala dalam pelbagai bidang turut diperkukuh

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Malaysia bersedia menimbang permintaan Turkmenistan untuk PETRONAS meneroka industri hiliran dalam sektor minyak dan gas (O&G) di negara itu, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, menerusi PETRONAS, Malaysia akan memperkukuhkan kerjasama dalam pembinaan loji petrokimia serta mengambil bahagian dalam projek saluran paip gas ke Afghanistan dan Pakistan.

"PETRONAS sudah melabur AS\$10 bilion.(RM42 bilion) di Turk-

menistan sejak 1996. Pembangunan fasiliti gas di Laut Kaspian adalah contoh komitmen pelaburan yang membanggakan di negara itu serta menunjukkan keupayaan PETRONAS dalam sektor minyak dan gas pada peringkat antarabangsa.

"PETRONAS menunjukkan komitmen korporat yang cukup baik di Turkmenistan, selain menyediakan banyak peluang pekerjaan dan latihan kepada rakyat negara itu.

"Sehingga kini, 85 peratus perjawatan dalam industri minyak dan gas di Turkmenistan diisi rakyat tempatan negara itu, malah PETRONAS sudah menyediakan 230 latihan bagi juruteknik, selain menaja 150 biasiswa dalam sektor itu," katanya pada sidang media bersama Presiden Turkmenistan, Gurbanguly Berdimuhamedov di Bangunan Perdana Putra di sini, semalam.

Minat pelajari model ekonomi Malaysia

Gurbanguly dalam rangka lawatan rasmi dua hari ke negara ini, iaitu kunjungan keduanya ke Malaysia

selepas lawatan pertama pada 2011.

Najib berkata, Presiden Gurbanguly juga berminat mempelajari model ekonomi negara ini dan Malaysia sedia menerima pasukan teknikal mereka bagi mempelajari pengalaman negara ini.

Dalam mesyuarat dua hala yang diadakan, kedua-dua pemimpin turut bersetuju supaya hubungan Malaysia dan Turkmenistan diperkukuhkan dalam pelbagai bidang, termasuk kerjasama dalam bidang pertukaran budaya dan pembangunan sukan.

Sementara itu, Gurbanguly berkata, kerajaannya melihat prospek besar bagi syarikat Malaysia menjalin usaha sama di Turkmenistan, dengan PETRONAS Carigali menjadi contoh terbaik.

"Kita melihat banyak peluang dalam bidang tenaga, komunikasi, perbankan, industri kimia, pelancongan, selain sektor pengangkutan," katanya.

Untuk video
layari www.bharian.com.my